



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN LAMAN WEB E-DAGANG BAGI KOPERASI SEKOLAH MENENGAH SAINS TUANKU AISHAH ROHANI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKULTI KOMPUTERAN DAN META-TEKNOLOGI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN LAMAN WEB E-DAGANG BAGI KOPERASI SEKOLAH MENENGAH SAINS TUANKU AISHAH ROHANI

NURAIYUNI WAFA BINTI ABD WAHAB



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(TEKNOLOGI MAKLUMAT) DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI KOMPUTERAN DAN META-TEKNOLOGI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI KOMPUTERAN DAN META-TEKNOLOGI****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama Pelajar:	Nuraiyuni Wafa Binti Abd Wahab
No. Pendaftaran:	D20201093985
Nama Ijazah:	Sarjana Muda Pendidikan (Teknologi Maklumat) dengan Kepujian
Bidang Pengkhususan:	Teknologi Maklumat
Tajuk Projek:	Pembangunan Laman Web E-dagang Bagi Koperasi Sekolah Menengah Sains Tuanku Aishah Rohani

Saya sahkan bahawa segala bahan yang terkandung dalam laporan projek tahun akhir ini adalah hasil usaha saya sendiri. Sekiranya terdapat hasil kerja orang lain atau pihak lain sama ada diterbitkan atau tidak (seperti buku, artikel, kertas kerja, atau bahan dalam bentuk yang lain seperti rakaman audio dan video, penerbitan elektronik atau Internet) yang telah digunakan, saya telah pun merakamkan pengiktirafan terhadap sumbangan mereka melalui konvensyen akademik yang bersesuaian. Saya juga mengakui bahawa bahan yang terkandung dalam laporan projek tahun akhir ini belum lagi diterbitkan atau diserahkan untuk program atau diploma/ijazah lain di mana-mana universiti.

29/2/2024

Tarikh

Tandatangan Pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Teknologi Maklumat / Multimedia / Reka Bentuk Berkomputer) dengan Kepujian.

Tarikh

Tandatangan Penyelia

(Dr. Norhisham Bin Mohamad Nordin)





PENGHARGAAN

Bismillahirahmanirrahim. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan berkat-Nya, dapatlah saya menyiapkan laporan penyelidikan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, saya juga bersyukur kerana segala masalah dan pelbagai kekangan yang timbul sepanjang kajian ini dijalankan telah berjaya diatasi. Semua permasalahan ini menjadikan saya insan yang mengenal erti kesabaran dan manisnya sebuah kejayaan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan ditujukan kepada Dr. Norhisham bin Mohamad Nordin selaku penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan juga membimbang sepanjang melaksanakan kajian ini. Beliau juga telah banyak memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya segala ilmu dan didikan yang diberikan begitu berharga buat saya.

Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga yang amat disayangi iaitu abah, mama, kakak dan abang yang sentiasa memberi dorongan dan semangat untuk meneruskan kajian ini. Doa dan harapan yang dititipkan menjadi penguat semangat saya.

Terima kasih buat saudari Nurul Izzah yang sentiasa ada dikala susah dan senang, tangis dan tawa serta meminjamkan sedikit kekuatan ketika diri sudah tidak percaya pada kejayaan. Terima kasih buat rakan seperjuangan Nabilah, Nurin, Najwa, Wahida dan Dhiya' yang menghulurkan persahabatan selama 4 tahun disini serta menjadi asbab perjuangan ini lebih indah. Terima kasih juga kepada kepada pihak yang telah membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, terima kasih buat diri yang telah berjuang tanpa henti sehingga saat ini. Semoga perjuangan ini akan tetap diteruskan sehingga masih diizinkan oleh Tuhan. Jangan dulu lelah, yakin semua indah. Pejamkanlah mata, pada-Nya kita berserah.





ABSTRAK

Laman web e-dagang bagi koperasi Sekolah Menengah Sains Tuanku Aishah Rohani (SGS) yang terletak di Seremban ini merupakan satu laman web yang dibangunkan bagi menambahbaik kaedah perbelanjaan dan pengurusan koperasi secara tradisional kepada digital dengan menggunakan laman web. Laman web e-dagang ini membolehkan ahli koperasi, pelajar, dan orang awam membeli barang atau menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi sekolah tanpa perlu datang ke premis fizikal. Selain itu, melalui laman web ini, koperasi sekolah juga dapat menjalankan promosi, mempamerkan produk baru, dan mengurus inventori dengan lebih efisien. Sistem ini telah dibangunkan menggunakan HTML dan PHP sebagai bahasa skrip dan MySQL sebagai sistem pengurusan pangkalan data. Sistem ini merupakan sistem berdasarkan laman web yang memerlukan talian internet untuk berfungsi sebagai platform pembelian. Sistem ini juga menggunakan metodologi ADDIE dalam proses pembangunan sistem. Melalui kajian ini, pelajar dan orang awam dapat membeli barang atau menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi sekolah tanpa perlu datang ke premis fizikal. Produk ini telah diuji kepada 41 orang responden yang terdiri daripada para guru koperasi, ibu bapa dan juga pelajar. Sebagai kesimpulan, laman web e-dagang ini berjaya dibangunkan dan boleh digunakan dengan baik.

Kata Kunci: laman web, e-dagang, koperasi





DEVELOPMENT OF AN E-COMMERCE WEBSITE FOR TUANKU AISHAH ROHANI SECONDARY SCIENCE SCHOOL COOPERATIVE

ABSTRACT

The e-commerce website for the Seremban Science Girls School (SGS) cooperative, located in Seremban, is a website developed to improve the traditional methods of cooperative spending and management to digital using a website. This e-commerce website allows cooperative members, students, and the general public to purchase goods or use services offered by the school cooperative without having to visit the physical premises. Additionally, through this website, the school cooperative can also conduct promotions, showcase new products, and manage inventory more efficiently. This system was developed using HTML and PHP as scripting languages and MySQL as the database management system. It is a web-based system that requires an internet connection to function as a purchasing platform. The system also employs the ADDIE methodology in the system development process. Through this study, students and the general public can purchase goods or use services offered by the school cooperative without needing to visit the physical premises. This product was tested on 41 respondents, including cooperative teachers, parents, and students. In conclusion, this e-commerce website has been successfully developed and can be used effectively.

Keywords: website, e-commerce, cooperative





KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Penyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Skop Kajian dan Batasan Kajian	8
1.7	Kepentingan Kajian	9
1.8	Definisi Operasional	10
1.9	Kesimpulan	14



**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	15
2.2	Tinjauan Literatur Bersesuaian	16
2.2.1	Pengenalan Kepada E-dagang	16
2.2.2	Perkembangan E-dagang di Malaysia	18
2.2.3	Kepentingan Pengetahuan E-dagang	19
2.2.4	Jenis Dagangan	21
2.2.5	Jenis Dagangan di Koperasi Sekolah	22
2.3	Kajian Produk Lampau/ Sedia Ada	24
2.3.1	Ciri-ciri, kelemahan dan kelebihan KOOPSMAD	24
2.3.2	Ciri-ciri, kelemahan dan kelebihan MPH Online	25
2.3.1	Ciri-ciri, kelemahan dan kelebihan KOBESP	27
2.4	Ringkasan Perbandingan Sistem Sedia Ada di Malaysia	28
2.5	Kelebihan Laman Web yang Bakal Dibangunkan	28
2.6	Implikasi Tinjauan	31
2.6	Kesimpulan	32

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	33
3.2	Metadologi Kajian	34
3.3	Reka Bentuk Kajian	35
3.3.1	Soal Selidik Ujian Pra	36
3.3.2	Soal Selidik Ujian Pos	36
3.4	Sampel Kajian	37
3.5	Instrumen Kajian	38
3.6	Kesimpulan	41



**BAB 4 PEMBANGUNAN SISTEM**

4.1 Pengenalan	42
4.2 Reka Bentuk Cadangan	43
4.2.1 Papan Cerita	43
4.3 Model Pembangunan Laman web (ADDIE)	49
4.3.1 Fasa Analisis (<i>Analyze</i>)	50
4.3.2 Fasa Reka Bentuk (<i>Design</i>)	50
4.3.2.1 Spesifikasi Teknikal	51
4.3.3 Fasa Pembangunan (<i>Develop</i>)	59
4.3.4 Fasa Pelaksanaan (<i>Implementation</i>)	60
4.3.5 Fasa Penilaian (<i>Evaluation</i>)	61
4.4 Prosedur Pelaksanaan Kajian	61
4.5 Hasil Pembangunan Porduk	62
4.5.1 Ciri-ciri Laman Web	62
i. Log Masuk	62
ii. Butang Navigasi	63
iii. Gerbang Pembayaran	63
iv. Butang <i>Add To Cart</i>	63
v. Butang Menukar Kata Laluan	64
4.5.2 Reka Bentuk Antara Muka	64
4.5.2.1 Skrin <i>Home</i>	65
4.5.2.2 Skrin <i>Shop</i>	68
4.5.2.3 Skrin <i>Add To Cart</i>	69
4.5.2.4 Skrin <i>Contact Us</i>	70
4.5.2.5 Skrin <i>Profile</i>	71
4.3 Kesimpulan	72



**BAB 5 DAPATAN KAJIAN**

5.1 Pengenalan	73
5.2 Laporan Pengujian Produk	74
5.2.1 Instrumen Kajian	74
5.2.2 Prosedur Pelaksanaan Kajian	75
5.3 Analisis Dapatan Kajian	76
5.3.1 Bahagian A: Analisis Latar Belakang Responden	76
5.3.1 Bahagian B: Maklum Balas Kebolehgunaan	79
5.4 Kesimpulan	98

BAB 6 RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1 Pengenalan	99
6.2 Ringkasan Kajian	99
6.3 Perbincangan Hasil Projek	99
6.3.1 Kelemahan	101
6.3.2 Cadangan Penamaikan Pembangunan Projek	103
6.4 Cabaran Prosedur Pembangunan Projek	105
6.5 Kesimpulan	106
RUJUKAN	107





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat	
Jadual 2.1	Perbandingan laman web sedia ada di Malaysia	28
Jadual 4.1	Spesifikasi komputer riba	52
Jadual 4.2	Spesifikasi telefon pintar	52
Jadual 4.3	Ciri-ciri dan kepentingan perisian <i>Visual Studio Code</i>	54
Jadual 4.4	Ciri-ciri dan kepentingan perisian <i>Visual Studio Code</i>	56
Jadual 5.1	Analisis skala likert	75
Jadual 5.2	Kategori responden	76
Jadual 5.3	Kategori responden berdasarkan jantina	77
Jadual 5.4	Analisis item 1 Bahagian B	80
Jadual 5.5	Peratus min skala item 1 Bahagian B	80
Jadual 5.6	Analisis item 2 Bahagian B	81
Jadual 5.7	Peratus min skala item 2 Bahagian B	81
Jadual 5.8	Analisis item 3 Bahagian B	82
Jadual 5.9	Peratus min skala item 3 Bahagian B	82
Jadual 5.10	Analisis item 4 Bahagian B	83
Jadual 5.11	Peratus min skala item 4 Bahagian B	83
Jadual 5.12	Analisis item 5 Bahagian B	84
Jadual 5.13	Peratus min skala item 5 Bahagian B	84
Jadual 5.14	Analisis item 6 Bahagian B	85
Jadual 5.15	Peratus min skala item 6 Bahagian B	85





Jadual 5.16	Analisis item 7 Bahagian B	86
Jadual 5.17	Peratus min skala item 7 Bahagian B	86
Jadual 5.18	Analisis item 8 Bahagian B	87
Jadual 5.19	Peratus min skala item 8 Bahagian B	88
Jadual 5.20	Analisis item 9 Bahagian B	89
Jadual 5.21	Peratus min skala item 9 Bahagian B	89
Jadual 5.22	Analisis item 10 Bahagian B	90
Jadual 5.23	Peratus min skala item 10 Bahagian B	90
Jadual 5.24	Analisis item 11 Bahagian B	91
Jadual 5.25	Peratus min skala item 11 Bahagian B	91
Jadual 5.26	Analisis item 12 Bahagian B	92
Jadual 5.27	Peratus min skala item 12 Bahagian B	92
Jadual 5.28	Analisis item 13 Bahagian B	93
Jadual 5.29	Peratus min skala item 13 Bahagian B	93
Jadual 5.30	Analisis item 14 Bahagian B	94
Jadual 5.31	Peratus min skala item 14 Bahagian B	94
Jadual 5.32	Analisis item 15 Bahagian B	96
Jadual 5.33	Peratus min skala item 15 Bahagian B	96
Jadual 5.34	Analisis keseluruhan Bahagian B	97





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
Rajah 1.1 Logo ANGKASA	4
Rajah 2.1 Laman web e-dagang KOOP SMA Darusaadah	25
Rajah 2.2 Laman web e-dagang MPH Online	26
Rajah 2.3 Laman web e-dagang KOBESP	27
Rajah 3.1 Penentuan jumlah saiz sampel	38
Rajah 3.2 Penggunaan skala likert	40
Rajah 4.1 Papan cerita	44
Rajah 4.2 Metodologi pembangunan ADDIE	49
Rajah 4.3 Paparan antaramuka perisian <i>Visual Studio Code</i>	53
Rajah 4.4 Paparan antaramuka laman web XAMPP	55
Rajah 4.5 Paparan skrin <i>Home</i> laman web e-dagang	66
Rajah 4.6 Paparan skrin <i>Home</i> laman web e-dagang	66
Rajah 4.7 Paparan skrin <i>Home</i> laman web e-dagang	67
Rajah 4.8 Paparan skrin <i>Shop</i> laman web e-dagang	68
Rajah 4.9 Paparan skrin <i>Shop</i> laman web e-dagang	69
Rajah 4.10 Paparan skrin <i>Add To Cart</i> laman web e-dagang	70
Rajah 4.11 Paparan skrin <i>Contact Us</i> laman web e-dagang	71
Rajah 4.12 Paparan skrin <i>Profile</i> laman web e-dagang	72
Rajah 5.1 Carta pai kategori responden	77
Rajah 5.1 Carta pai bagi responden kategori jantina	78





SENARAI SINGKATAN

ANGKASA	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
HTML	<i>Hypertext Markup Language</i>
PHP	<i>Hypertext Preprocessor</i>
SGS	Sekolah Menengah Sains Tuanku Aishah Rohani
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SQL	<i>Structured Query Language</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI LAMPIRAN

A	Instrumen Soal Selidik
B	Poster Projek Tahun Akhir
C	JICTIE



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



1.1 Pendahuluan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bab ini akan membincangkan secara terperinci mengenai tajuk penyelidikan yang dikaji iaitu Pembangunan Laman Web E-Dagang bagi Koperasi Sekolah Menengah Sains Tuanku Aishah Rohani (SGS). Bab ini dibahagikan kepada subtopik-subtopik tertentu terdiri daripada pendahuluan, latar belakang, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, definisi operasi yang digunakan dalam kajian dan juga kesimpulan bagi keseluruhan huraian dalam bab ini.

Tujuan pembangunan laman web e-dagang bagi koperasi sekolah adalah untuk memudahkan proses jual beli produk dan perkhidmatan secara dalam talian serta



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

meningkatkan pendapatan koperasi tersebut. Laman web e-dagang ini membolehkan ahli koperasi, pelajar, dan orang awam membeli barang atau menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi sekolah tanpa perlu datang ke premis fizikal. Selain itu, melalui laman web ini, koperasi sekolah juga dapat menjalankan promosi, mempamerkan produk baru, dan mengurus inventori dengan lebih efisien. Dengan adanya laman web e-dagang, koperasi sekolah dapat memperluas jangkauan pasaran dan mencapai lebih ramai pelanggan, menjadikan mereka lebih kompetitif dalam industri perdagangan.

Koperasi sekolah dapat memperluas jangkauan pasaran dan mencapai lebih ramai pelanggan, menjadikannya lebih kompetitif dalam industri perdagangan sejajar dengan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan Dasar 4IR Negara yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia melalui MyDIGITAL. MyDIGITAL adalah satu inisiatif yang melambangkan aspirasi kerajaan mentransformasi Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi yang berpacuan pendigitalan dan sebagai peneraju serantau dalam ekonomi digital. Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia menggariskan usaha dan inisiatif dalam mencapai aspirasi MyDIGITAL. Rangka tindakan ini menetapkan trajektori sumbangan ekonomi digital kepada ekonomi Malaysia dan membina asas untuk memacu pendigitalan di seluruh negara, termasuk dalam merapatkan jurang digital.

Pembangunan laman web ini adalah merujuk kepada garis panduan “Menjalankan e-dagang kepada peniaga” yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Selain itu, pembangunan laman web ini juga merujuk Angkatan Koperasi Kebangsaan



Malaysia Berhad (ANGKASA) yang menjadi penaung kepada semua jenis koperasi asas, menengah dan atas di seluruh negara. Sistem ini telah dibangunkan menggunakan HTML dan PHP sebagai bahasa skrip dan MySQL sebagai sistem pengurusan pangkalan data..

1.2 Latar Belakang Kajian

Gerakan koperasi sekolah yang telah bertapak di Malaysia sejak 1968 dilihat semakin berkembang seiring dengan penubuhan koperasi di setiap sekolah menengah. Idea penubuhan koperasi sekolah tercetus pada tahun 1953 semasa Persidangan Kerjasama Malaya apabila satu usul telah diluluskan hasil persetujuan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pertanian yang menggalakkan penubuhan koperasi sekolah. Walau bagaimanapun, tiada tindakan susulan yang diambil bagi merealisasikan usul tersebut sehingga pada tahun 1968, Profesor Diraja Ungku Aziz membangkitkan semula idea penubuhan koperasi sekolah.

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad atau ANGKASA adalah koperasi puncak yang menaungi semua jenis koperasi asas, menengah dan atasan di seluruh negara Malaysia. ANGKASA diiktiraf oleh kerajaan sebagai badan yang mewakili Pergerakan Koperasi Malaysia pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. ANGKASA berperanan sebagai badan penggerak dan penyokong utama bagi perkembangan dan kemajuan koperasi di Malaysia. Kumpulan ini bekerja untuk meningkatkan kesejahteraan koperasi dan masyarakat tempatan melalui penyediaan perkhidmatan, perwakilan, pembangunan, dan penyelidikan.



Selain itu, ANGKASA juga menyokong penyelidikan dan pembangunan dalam bidang koperasi. Mereka mengumpulkan data, melakukan kajian, dan membangunkan inisiatif strategik untuk memperbaiki kecekapan, inovasi, dan daya saing koperasi.



Rajah 1.1: Logo ANGKASA

Lebih 2,430 koperasi sekolah dengan 1.6 juta ahli berdaftar dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) di seluruh Malaysia. Perusahaan kecil seperti kedai kopi, perpustakaan, kedai alat tulis, dobi, perkhidmatan percetakan, tadika, agensi pelancongan, perusahaan pertanian, pusat seni, dan spa turut tidak terkecuali untuk berdaftar dengan ANGKASA. Berita yang dipaparkan di siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM) bertarikh 30 Januari 2023, memaklumkan bahawa 14 koperasi sekolah telah mencapai perolehan melebihi RM 1 juta setahun daripada aktiviti mereka. ANGKASA juga menyasarkan 50 koperasi sekolah mencapai perolehan jumlah sama menjelang tahun 2030. Jadi, jelaslah bahawa usaha membangunkan laman web e-dagang dapat membantu sekolah merealisasikan aspirasi ANGKASA.



Kepesatan teknologi pada hari ini telah mempengaruhi tren pemasaran global yang dahulunya melibatkan perniagaan secara tradisional telah berubah ke arah pendigitalan iaitu dengan wujudnya perniagaan internet atau dalam talian. Dunia telah melalui satu anjakan paradigma daripada *traditional commerce* kepada *electronic commerce*. Barang dan perkhidmatan bukan sahaja boleh diperoleh melalui kedai atau premis di tepi jalan, bahkan boleh diperoleh menerusi kedai maya (*virtual market*). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, dengan penembusan Internet tertinggi di Asia Tenggara pada kadar 85.7 peratus dan penembusan mudah alih hampir 140 peratus, Malaysia satu daripada pasaran e-dagang berkembang pesat rantau ini. Di samping itu, perniagaan Internet bukan sahaja khusus kepada syarikat-syarikat besar, malah terdapat juga syarikat kecil yang menjalankan perniagaan Internet, walaupun mereka mempunyai pekerjaan tetap bagi memperoleh pendapatan sampingan. Hal ini menunjukkan bahawa perniagaan Internet semakin mendapat sambutan hangat dengan memberi kebaikan kepada peniaga maupun pengguna.

Fungsi laman web e-dagang yang dibangunkan ini dapat menjadi salah satu platform utama dalam proses menjual beli dalam kalangan warga sekolah dan juga masyarakat luar. Laman web e-dagang ini akan dibangunkan bersama elemen-elemen utama seperti gambar dan teks. Terdapat juga elemen yang perlu dimasukkan seperti nama produk, pilihan, penerangan produk, harga dan sebagainya.



1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Uma Sekaran (2000), masalah ialah sebarang situasi di mana wujud jurang antara keadaan sebenar dan keadaan ideal. Pembangunan laman web e-dagang ini adalah satu keperluan melihatkan kelemahan-kelemahan menggunakan perkhidmatan di koperasi secara tradisional. Beberapa tinjauan awal telah dilaksanakan melibatkan pihak koperasi Sekolah Menengah Sains Tuanku Aishah Rohani dan beberapa guru yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus koperasi bagi mendapatkan maklum balas awal mengenai pembangunan laman web e-dagang ini. Berdasarkan hasil tinjauan awal menggunakan kaedah temubual bersama Encik Muhammad Razi bin Musa, Guru Koperasi SGS, beberapa masalah telah dikenalpasti iaitu:

- a) Pelajar terpaksa menghabiskan masa yang berlebihan di koperasi sekolah kerana pengurusan inventori yang tidak mencukupi dan keperluan untuk menunggu giliran, menyebabkan ketidakcekapan dan kelewatan dalam proses pembelian.
- b) Pelajar menghadapi kesukaran dalam menguruskan sejumlah wang besar, terutamanya apabila melibatkan transaksi pembelian barang seperti baju dan seluar sukan sekolah.
- c) Kakitangan koperasi gagal memantau inventori stok dengan berkesan kerana proses pengesanan manual. Cabaran dalam mengenal pasti kekurangan stok dengan segera, menjangka turun naik permintaan, dan melaksanakan langkah-langkah penyimpanan semula tepat pada masanya



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- a) Mengenalpasti faktor penting yang perlu dipertimbangkan dalam membangunkan laman web e-dagang
- b) Membangunkan laman web e-dagang yang dapat menjadi platform utama dalam proses menjual beli di koperasi sekolah
- c) Menguji kebolehgunaan laman web e-dagang terhadap pengguna ketika menggunakan laman web dari segi kefungsian dan mendapatkan maklum balas daripada pengguna



1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- a) Apakah keperluan dan reka bentuk yang sesuai untuk pembangunan laman web e-dagang di koperasi sekolah?
- b) Apakah faktor penting yang perlu dipertimbangkan dalam membangunkan laman web e-dagang yang berkesan?
- c) Apakah maklum balas pengguna terhadap laman web e-dagang yang dibangunkan?





1.6 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian ini merangkumi kandungan mengikut keperluan laman web e-dagang yang bakal dibangunkan. Penghasilan laman web ini akan menggunakan perkataan dan juga gambar yang menarik bagi mewujudkan rasa keterikatan pengguna untuk menggunakan laman web ini. Kandungan yang terdapat dalam laman web ini juga merujuk kepada produk dan harga barang yang telah ditetapkan oleh koperasi sekolah bagi mengelakkan sebarang percanggahan maklumat. Jadi, penetapan harga telah dijalankan terlebih dahulu oleh pihak pengkaji dan juga pihak koperasi sekolah.



Menurut Sunawari Long (2009), terdapat tiga aspek yang boleh dijadikan asas dalam penulisan batasan kajian. Batasan masa adalah membataskan masa atau tempoh tertentu pada objek kajian. Yang kedua, batasan bidang kajian adalah menghadkan bidang atau *niche* kajian pada aspek tertentu sahaja. Seterusnya, batasan lokasi kajian adalah membataskan kajiannya pada lokasi-lokasi tertentu bagi memudahkan penyelidikan, menjimatkan kos dan kajian lebih terfokus. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah yang terletak di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Had kajian yang dijalankan hanya melibatkan responden daripada murid-murid tingkatan 3 dengan keterlibatan ibu bapa dan juga beberapa orang guru serta staf yang terlibat dalam mengendalikan koperasi sekolah. Pembangunan laman web koperasi sekolah ini juga telah dikhaskan buat sekolah yang terlibat sahaja maka produk dan barang yang dipaparkan adalah berdasarkan produk yang sedia ada sahaja.





1.7 Kepentingan Kajian

Diharapkan agar pembangunan laman web e-dagang ini dapat memberi banyak manfaat kepada pelajar yang ingin berbelanja di koperasi sekolah dengan lebih mudah dan cepat. Laman web e-dagang membolehkan koperasi sekolah untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka secara meluas. Menerusi laman web ini, koperasi sekolah dapat menjangkau lebih ramai pelanggan, termasuk para ibu bapa dan pelajar di dalam dan luar sekolah. Pembinaan laman web ini juga akan meningkatkan kesedaran pengguna mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dan menggalakkan peningkatan jualan. Pelanggan dapat mengakses laman web pada bila-bila masa yang sesuai dan bersifat lebih fleksibel. Keadaan ini telah menguntungkan pengguna yang mahu membuat pembelian atau mendapatkan maklumat tentang produk dan perkhidmatan koperasi sekolah mengikut kesesuaian waktu senggang masing-masing.

Pada masa yang sama, pembangunan laman web e-dagang bagi koperasi sekolah bakal memberi faedah seperti penambahan sumber kewangan sekolah seperti yang ditekankan oleh pengkaji sebelum ini, perniagaan yang diurus dengan baik pasti meraih keuntungan berlipat kali ganda. Selain itu, laman web e-dagang ini membolehkan koperasi sekolah untuk menguruskan inventori mereka dengan lebih baik. Mereka dapat mengemaskini stok produk secara automatik apabila transaksi pembelian berlaku. Perkara ini sangat membantu mengelakkan masalah stok tidak tepat dan memastikan bahawa produk tersedia dapat dijual tidak kira masa.





Di samping itu, proses pembayaran dan penghantaran bagi pelanggan juga dapat dilaksanakan dengan efisien. Mereka boleh membuat pembayaran secara dalam talian dengan kaedah yang mudah dan selamat. Selain itu, koperasi sekolah boleh menyediakan dua mod penghantaran kepada pelanggan, termasuk penghantaran ke tempat yang ditentukan atau pungut sendiri (*self-pickup*).

1.8 Definisi Operasional

Ahmad Sunawari (2009) juga menjelaskan definisi operasi ini merupakan sejumlah perkataan yang dipilih oleh penyelidik untuk diberikan huraihan supaya tidak mengelirukan pembaca yang berkemungkinan mempunyai maksud lain seperti yang difahami oleh penyelidik. Bahagian ini akan mengupas dan merungkai beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini. Istilah-istilah ini didefinisikan agar pembaca mendapat gambaran yang jelas tentang sistem yang ingin dibangunkan ini.





a) Definisi Koperasi

Menurut Akta Koperasi 1993, koperasi ialah suatu pertubuhan orang berautonomi yang bersatu secara sukarela untuk memenuhi keperluan dan aspirasi ekonomi, sosial dan budaya mereka yang sama melalui suatu perusahaan milik bersama dan dikawal secara demokrasi yang berdaftar di bawah akta ini. Dalam erti kata lain, koperasi merupakan persatuan yang menjalankan aktiviti perniagaan yang bertujuan membantu dan meringankan beban anggota-anggotanya. Selain mendapat pulangan dalam bentuk dividen, anggota-anggotanya juga menikmati harga lebih murah dari pasaran dan kemudahan-kemudahan khas seperti pinjaman dan sebagainya, bergantung kepada koperasi yang dianggotainya.



b) Definisi Laman Web

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, laman web ialah dokumen elektronik pada paparan skrin komputer biasanya mengandungi teks, grafik, imej, bunyi dan sebagainya tentang sesuatu institusi, persatuan, individu yang dapat dicapai melalui internet. Sebuah laman web adalah kumpulan beberapa muka web dan kandungan digital yang berkaitan, boleh diakses melalui nama domain tertentu, dan dihoskan pada pelayar web. Ia merupakan platform untuk menerbitkan maklumat, menyediakan perkhidmatan, dan memudahkan interaksi dalam talian. Laman web



boleh meliputi dari laman statik yang ringkas hingga platform dinamik dan interaktif yang menawarkan pelbagai ciri dan fungsi (Brugger N., 2009). Laman web dihoskan pada pelayar dan memerlukan pelayar web seperti *Chrome*, *Firefox*, atau *Internet Explorer* untuk dikunjungi, baik di komputer atau peranti mudah alih. Sebuah laman web boleh diakses dengan memasukkan alamat *Uniform Resource Locators* (URL) secara langsung atau dengan mencarinya di enjin carian seperti *Google* atau *Bing*.

c) Definisi E-dagang

E-dagang merujuk kepada perdagangan atau aktiviti perniagaan yang dilakukan secara elektronik melalui medium digital atau dalam talian. Ia melibatkan pembelian, penjualan, pertukaran, atau penyampaian produk atau perkhidmatan menggunakan rangkaian komputer atau laman web. Menurut Liaoliang etl., (2019), e-dagang melibatkan pelbagai jenis transaksi dalam talian, seperti pembelian produk di laman web kedai dalam talian, menjual produk melalui platform e-dagang, atau melaksanakan perkhidmatan dalam talian seperti perbankan elektronik atau perkhidmatan penghantaran makanan. Ia juga boleh merangkumi aktiviti seperti pemasaran dalam talian, pembayaran elektronik, dan pengurusan inventori.



d) Definisi Sistem Pangkalan Data

Sistem pangkalan data merupakan satu sistem penyimpanan data yang tersusun. Pangkalan data boleh diilustrasikan sebagai suatu tempat penyimpanan dan pengumpulan data. Sistem pangkalan data dapat memberikan manfaat kepada pengguna seperti memudahkan data untuk dicapai, ditadbir urus dan dikemaskini sesuai dengan kehendak pengguna. Contoh-contoh perisian bagi sistem pangkalan data adalah *Microsoft Access*, *MySQL*, *Oracle* dan sebagainya. Terdapat banyak kelebihan menggunakan sistem pangkalan data dalam menguruskan data, maklumat atau sesuatu rekod berbanding dengan cara manual seperti penggunaan fail rekod, buku atau lembaran bertulis antaranya adalah memudahkan kawalan dan perkongsian data jarak jauh, capaian data lebih pantas dan tepat, serta mengelakkan kehilangan dan kerosakan data.





1.9 Kesimpulan

Bab ini membincangkan secara terperinci mengenai tajuk penyelidikan yang dikaji iaitu pembangunan laman web e-dagang di koperasi sekolah. Usaha dalam membangunkan laman web ini diharapkan dapat membantu pengguna untuk membeli barang di koperasi dengan lebih efisien seiring dengan kemajuan dunia digital pada zaman ini. Pada bab yang seterusnya, pengkaji akan membincangkan secara terperinci tentang tinjauan dan analisis kajian yang telah dilakukan.

